

27 FEB 2003

JARJIS-PAKEJ/I

MUDAH TUNAI DOMESTIK CUKUP UNTUK BIAYAI PAKEJ RANGSANGAN BARU

KUALA LUMPUR, 27 Feb (Bernama) -- Menteri Kewangan Kedua Datuk Dr Jamaludin Jarjis hari ini berkata Malaysia mempunyai mudah tunai yang mencukupi dalam sistem domestik untuk membiayai pakej rangsangan baru yang dijangka akan diumumkan bulan depan.

Mudah tunai bukan isunya, katanya kepada pemberita selepas merasmikan seminar "Kemuncak Pengurusan Pengetahuan Negara", di sini. "Kita mempunyai mudah tunai yang mencukupi di dalam negara," katanya.

"Isu di sini adalah mengenai kepantasan dan perkembangan pertumbuhan ekonomi," katanya.

Bagaimanapun, kerajaan akan terus memasuki pasaran untuk membuat penandaan aras pendarfahan negara, katanya apabila ditanya samada kerajaan sedang mendapatkan pinjaman RM1.59 bilion (AS\$420 juta) daripada bank untuk membiayai pakej rangsangan.

Kerajaan dilaporkan telah meminta bank-bank asing dan domestik menyerahkan bida bagi pinjaman dwi-mata wang sebanyak AS\$420 juta. Terdapat juga spekulasi yang menyatakan kerajaan mungkin akan menjual bon untuk membiayai defisit belanjawan.

Butiran pakej rangsangan dijangka akan diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang merupakan menteri kewangan, bermatlamat mengelakkan ekonomi daripada meleset dan meningkatkan keyakinan pelabur sekiranya Amerika Syarikat menyerang Iraq.

Apabila ditanya tentang perkembangan pelaburan yang dibuat oleh Valuecap Sdn Bhd, Dr Jamaludin berkata kerajaan tidak akan campur tangan dengan pengurusan syarikat itu.

Lembaga pengarah syarikat itu adalah profesional yang akan membuat keputusan bila untuk melabur dengan mengambil kira kuasa-kuasa pasaran, katanya.

Valuecap adalah syarikat yang dimiliki oleh Khazanah Nasional Bhd, Permodalan Nasional Bhd dan Kumpulan Amanah Pencen, dengan dana RM10 bilion untuk membeli saham-saham di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

Dilaporkan, syarikat itu telah melabur RM1 bilion di BSKL.

Tentang dividen Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang dikatakan akan mengeluarkan dividen yang rendah tahun ini, Dr Jamaludin juga berkata lembaga pengarah institusi itu akan memutuskan kadar dividennya dan membuat pengumuman rasmi. -- BERNAMA

FAY KTC JR